

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENTAKSIRAN AKHIR
SESI I 2025/2026**

SIJIL MULTIMEDIA KREATIF PENGIKLANAN

**SMP 30113
PEMBANGUNAN PRODUK PENGIKLANAN**

DUA (2) JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Jawab semua soalan.

Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

Soalan 1

Anda seorang pereka grafik dan pakar dalam bidang pengiklanan yang bekerja di sebuah syarikat media pengiklanan yang menawarkan perkhidmatan kreatif. Seorang pelanggan yang merupakan seorang usahawan tempatan telah menghubungi syarikat anda untuk mendapatkan khidmat nasihat serta penyediaan bahan promosi bagi memasarkan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikatnya.

CLO 3

Sebagai wakil syarikat, anda telah ditugaskan untuk membina **SATU (1) produk pengiklanan yang berbentuk *Point of Purchase (P.O.P)* atau *Retail Signage***, iaitu bahan promosi yang diletakkan di lokasi jualan untuk menarik perhatian pelanggan dan menggalakkan pembelian secara langsung. Hasil akhir produk pengiklanan anda harus mampu menyampaikan mesej promosi dengan jelas, kreatif, dan berkesan, serta mampu menarik perhatian bakal pelanggan di tempat jualan.

Proses menghasilkan reka bentuk ini perlu berpandukan kepada kriteria-kriteria berikut:

- a) Bina *mock-up* berdasarkan lakaran idea. (P4)
 - i) Bina rekabentuk *mock up P.O.P / Retail Signage* menepati konsep yang dirancang.
(10 markah)
 - ii) Bina *mock up P.O.P / Retail Signage* berpandukan ukuran konsep yang dirancang.
(10 markah)

- iii) Bina *mock up P.O.P / Retail Signage* menggunakan bahan atau material yang bersesuaian. (10 markah)
- b) Bina *P.O.P atau Retail Signage* berdasarkan *mock-up*. (P4)
- i) *P.O.P / Retail Signage* yang dihasilkan menepati konsep. (15 markah)
- ii) Ukuran *P.O.P / Retail Signage* yang dihasilkan berpandukan konsep asal. (15 markah)
- iii) *P.O.P / Retail Signage* menggunakan bahan/ material yang bersesuaian. (15 markah)
- iv) Hasil *P.O.P / Retail Signage* akhir yang kemas dan berkualiti. (15 markah)
- c) Persembahan produk akhir. (P4)
- i) Pembentangan:
- Bahasa badan
 - Sahsiah rupa diri
 - Keyakinan diri
 - Sikap Proaktif
 - Kejelasan (5 markah)
- ii) Kreativiti dan disiplin kerja:
- Menepati masa
 - Kemasan
 - Kreativiti
 - Displin kerja (5 markah)

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab